

Pendidikan tingkat ekonomi, sosial negara

Penarafan peringkat antarabangsa tarik pelajar asing ke Malaysia



**MOHD FEROZ
ABU BAKAR
DAN
BASIR
ZAHROM**

Universiti yang menawarkan pendidikan berkualiti tinggi akan membentuk kitaran positif dalam aspek ekonomi dan sosial. Institusi pendidikan di negara maju seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Perancis, Jerman, Jepun dan Korea Selatan berjaya menghasilkan pelbagai teknologi hasil penyelidikannya.

Teknologi itu akhirnya digunakan oleh industri untuk pasaran tempatan atau global. Pulangannya dalam bentuk keuntungan atau dana akan diberikan kepada universiti semula. Kitaran ini harus diteladani oleh institusi di Malaysia.

Dalam Quacquarelli Symonds (QS) University Rankings: Asia 2015 yang diterbitkan Selasa lalu, 17 universiti negara ini menunjukkan peningkatan anak tangga. Universiti Malaya (UM) berada dalam kelompok 30 Terbaik Asia apabila menduduki tangga ke-29 berbanding ke-32, tahun lalu.

Beberapa universiti di Korea Se-

latan berada dalam kedudukan 10 teratas walaupun kedudukan utama didominasi oleh institusi dari Singapura dan Hong Kong. Sebahagian besar universiti di Jepun juga menduduki tangga 100 teratas.

Budaya kerja sistematis

Institusi di Jepun tidak banyak menarik kemasukan pelajar antarabangsa tetapi menerima dana yang besar untuk penyelidikan. Budaya kerja yang sistematis dan tumpuan terhadap pendidikan tinggi yang sejak berdekad-dekad lalu membawa hasil kepada negara berkenaan.

Tugas pentadbiran universiti di negara ini sekarang ialah untuk menjadi lebih baik seperti peningkatan secara konsisten yang ditunjukkan oleh Universiti Nasional Singapura atau University of Hong Kong, atau kita harus mengejar institusi di Korea Selatan dan Jepun.

Kita mempunyai Dasar Pandang ke Timur 2.0 dan mesti menyusun strategi untuk universiti kita duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan institusi di Jepun atau Korea Selatan. Malaysia juga mempunyai ramai pensyarah lulusan universiti terkemuka dunia.

Mereka seharusnya diberi peranan besar untuk menjalin hubungan rapat dengan Cambridge University, Imperial College London, Stamford University atau University of Tokyo.

Kedudukan Malaysia dalam wilayah Tropika seharusnya digunakan untuk bekerjasama dengan institusi di wilayah lain.

Presiden, Persatuan Kakitangan Akademik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata dalam bidang biodiversiti tropika, Malaysia di kedudukan baik pada pandangan antarabangsa tetapi penyelidikan dalam bidang berkenaan belum diteroka secara meluas.

"Untuk menarik pakar luar bekerja dengan kita, Malaysia mesti mempunyai kualiti yang mereka percaya dan terima," katanya.

Beliau turut mencadangkan profesor di negara ini perlu diberi penarafan berasaskan kepakaran dalam pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, memimpin penyelidikan, perancangan masa depan, penerbitan, kerjasama antarabangsa, pemindahan maklumat kepada masyarakat dan pengalaman pentadbiran.

"Penarafan ini akan menggalakkan profesor untuk lebih aktif pada peringkat antarabangsa sehingga di-



Ketemerlanggan pelajar UM turut membantu peningkatan taraf universiti itu pada peringkat antarabangsa. [GAMBAR HIASAN]

kenali oleh rakan sebidang," katanya.

Universiti tempatan menunjukkan kedudukan yang berbeza-beza dalam penarafan agensi lain seperti oleh Times Higher Education atau Webometrics Ranking of World Universities kerana pemberatannya tidak sama.

Capai hasrat jadi hab pendidikan

Penarafan universiti penting untuk memberi persepsi positif bagi menarik kedatangan pelajar luar ke negara ini. Kedudukan yang lebih baik akan membuka mata pelajar dan pensyarah antarabangsa untuk datang ke Malaysia. Penyediaan geran penyelidikan yang besar pula dapat 'mengumpam' pensyarah asing untuk berkhidmat di negara ini.

Kedua-dua faktor itu diambil kira di dalam kebanyakan agensi yang membuat penarafan universiti dan aspek ini dapat menjayakan hasrat negara untuk menjadi hab pendidikan tinggi serantau. Kedudukan yang baik oleh agensi penilai akan memberi persepsi yang tinggi pada kaca mata pelajar. Pada masa sama, pentadbiran universiti perlu lebih agresif untuk meningkatkan kualiti pendidikan di institusi masing-masing.

Aspek kebebasan akademik juga perlu diambil kira kerana ini akan membuka ruang perbincangan dan idea baharu. Walaupun tiada kebebasan mutlak, ahli akademik dan pelajar mesti diberi ruang yang lebih besar untuk berbicara dan mengkaji. Universiti tempatan haruslah mempunyai sistem untuk mencetuskan kerjasama dan mencontohi bidang penting untuk mendapat penarafan tinggi.

Kita tidak boleh mempertahankan birokrasi dan momentum lama. Terpulang kepada kebijaksanaan pentadbiran universiti untuk menyusun strategik seterusnya kerana universiti di negara lain tidak pernah berdiam diri.



Profesor di negara ini perlu diberi penarafan berasaskan kepakaran dalam pengajaran, penyeliaan, penyelidikan, memimpin penyelidikan, perancangan masa depan, penerbitan, kerjasama antarabangsa, pemindahan maklumat kepada masyarakat dan pengalaman pentadbiran"

Ahmad Ismail,
Presiden
Persatuan Kakitangan Akademik UPM



Universiti Malaya berjaya melahirkan pelajar berkemahiran hasil daripada proses pembelajaran yang berkualiti. [GAMBAR HIASAN]



INFO

Kriteria QS University Rankings : Asia 2015

Kriteria	Pemberatan
■ Reputasi akademik	30 %
■ Reputasi majikan	10 %
■ Nisbah pelajar/pensyarah	20 %
■ Kajian ilmiah setiap pensyarah	15 %
■ Petikan setiap kajian	15 %
■ Pengantarabangsaan	5 %
■ Pertukaran pelajar (masuk)	2.5 %
■ Pertukaran pelajar (keluar)	2.5 %

Tinjauan akademik oleh QS 2015

- 15,202 pensyarah mengambil bahagian
- 27,359 pensyarah yang mengenali universiti Asia mengambil bahagian

Jumlah **42,561 responden**

Tinjauan akademik oleh QS 2015

- 8,162 majikan Asia mengambil bahagian
- 3,495 majikan antarabangsa yang mengenali universiti Asia mengambil bahagian

Jumlah **11,657 responden**

Quacquarelli Symonds (QS) University Rankings: Asia 2015 membawa berita gembira untuk institusi negara ini. Dalam penarafan terkini itu, sebanyak 17 universiti dari Malaysia berjaya meningkatkan kedudukan.

Universiti Malaya (UM) tersenarai di dalam kelompok 30 Terbaik Asia apabila menduduki tangga ke-29 berbanding 32 tahun lalu.

Universiti tertua negara itu juga turut mencatatkan pencapaian paling cemerlang tahun ini bagi nisbah pensyarah dengan pelajar dengan kedudukan ke-11 di rantau ini.

Walaupun turun dua tangga untuk penilaian pensyarah antarabangsa, UM tetap cemerlang apabila berada pada kedudukan ke-19 di Asia bagi kriteria berkenaan.

Universiti Sains Malaysia (USM) pula melonjak lapan anak tangga apabila berada pada kedudukan ke-49 tahun ini, seterusnya muncul antara 50 terbaik Asia.

USM dinobat

Universiti APEX

USM sebagai Universiti APEX itu menunjukkan kecemerlangan dalam penilaian reputasi akademik menerusi kaji selidik yang dijalankan ke atas 42,561 ahli akademik seluruh dunia iaitu masing-masing 15,202 dari Asia dan 27,359 dari seluruh dunia.

Ketua Penyelidik QS,

Ben Sowter, berkata Malaysia mempunyai cita-cita besar dengan metakanan pendidikan dan inovasi antara ketuaan dalam agenda nya.

Katanya, dengan pelaburan terhadap pengajian tinggi terbanyak dalam kalangan negara rantau ini, Malaysia menunjukkan komitmen yang serius untuk meningkatkan daya saingnya pada peringkat antarabangsa.

“Penarafan Universiti Asia edisi ketujuh ini mencerminkan usaha yang padu dilakukan Malaysia untuk mencapai tahap sekarang.

“Bagaimanapun, masih ada ruang penambahbaikan yang kini sedang diusahakan dan ia dapat dilihat daripada reputasinya yang semakin

UM catat pencapaian cemerlang tahun ini

BH 12 JUN 2015 • RABU

NASIONAL ◉ 5

Ranking 4 universiti awam meningkat

» Senarai penarafan bukti lima universiti penyelidikan sedia pendidikan berkualiti

Oleh Haspalia Mohd Zain
haspacia@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Ranking empat universiti awam di negara ini meningkatkan peningkatan membangunkan melalui penarafan dibuat oleh QS University Ranking Asia, sekaligus memuktikkan peningkatan mutu pendidikan tinggi negara.

Empat universiti iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Masing-masing kedua-dua universiti tersebut merupakan universiti awam terbaik di negara ini.

Melalui ranking yang dikeluarkan QS University Ranking Asia itu, kedudukan UM meningkat daripada tangga 32 ke 29, USM 57 ke 49, UTM 66 ke 61, UPM 76 ke 66, manakala UPM kekal pada kedudukan 56.

Penarafan yang dibuat bermula tahun 2009 itu menjadikan lima universiti penyelidikan negara itu berada dalam kelompok antara 500 universiti terbaik di rantau Asia.

“Semua universiti yang berada dalam kelompok sepadan ini merupakan universiti awam yang berkualiti.

“Prestasi universiti negara kita meningkat dalam setahun dia ini dalam semua bidang, penarafan negara, subjek ranking dan kebahagiaan subjek kita berada dalam kelompok sepadan terbaik dunia.

“Setiap tahun berlalu peningkatan kita yang namakan sebagai peningkatan berterusan. Dalam hal ini, kita berharap bahawa ada universiti kita berada dalam jenama prestasi yang diinginkan,” katanya.

Penarafan yang dibuat bermula tahun 2009 itu menjadikan lima universiti penyelidikan negara itu berada dalam kelompok antara 500 universiti terbaik di rantau Asia.

“Penarafan yang dibuat di atas ‘Berita Harian’ kali ini adalah kerana ketika dilihat di sini, sebahagian besar sebelum itu berada pada

selepas Takhlim Peningkatan Berterusan: Transformasi dan Kejayaan Pendidikan Malaysia di Peratusan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA).

Yang turut hadir, Pengurus BERNAMA, Datuk Abdul Rahman Sulaiman.

Sementara itu, Idris berkata,

“Program Pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiaran sehingga 31 Disember 2015.”



Kedudukan Universiti Malaya meningkat daripada tangga 32 ke tangga 29.

Senarai universiti Malaysia di kedudukan 300 terbaik seluruh Asia Tahun 2015 yang dikeluarkan oleh QS University

2015	2014	UNIVERSITI	SKOR KESELURUHAN
29	32	Universiti Malaya	84.8
49	57	Universiti Sains Malaysia	69.4
56	56	Universiti Hwanggang Malaysia	65.4
61	66	Universiti Teknologi Malaysia	64.5
66	76	Universiti Putra Malaysia	63.4
151-160	145	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia	42.1
151-160	191-200	Universiti Teknologi Petronas	41.2
191-200	201-250	Universiti Utara Malaysia	35.7
201-250	201-250	Universiti Teknologi MARA	34.5
201-250	201-250	Universiti Malaysia Sabah	32.8
201-250	201-250	Universiti Malaysia Perlis	31.7
201-250	201-250	Universiti Multimedia	31.3
201-250	201-250	Universiti Malaysia Sarawak	30.9
201-250	201-250	Universiti Taylor	28.7
251-300	251-300	Universiti Malaysia Pahang	27.4
251-300	251-300	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia	25.6
251-300	251-300	Universiti Teknologi Kreatif Limo	25.3
251-300	251-300	Universiti Malaysia Terengganu	25.3
251-300	251-300	Universiti Tenaga Malaysia	24.8
251-300	301+	Universiti UCSI	24.2
301+	301+	Universiti Tunku Abdul Rahman	23.6

FAKTA NOMOR

17 buah

universiti Malaysia berjaya meningkatkan kedudukan dalam penarafan QS University Rankings

bagi kedudukan lain, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) kekal pada kedudukan ke-56; Universiti Teknologi Malaysia (UTM) meningkat ke tangga ke-61 daripada 66 tahun lalu dan Universiti Putra Malaysia (UPM) naik 10 anak tangga ke kedudukan 66 tahun ini.

Keputusan penuh 300 Universiti Terbaik Asia 2015 boleh dilihat di laman web www.TopUniversities.com.

Sebuah universiti dinilai berdasarkan lapan kriteria iaitu reputasi ahli akademik, reputasi majikan, nisbah pelajar dengan pensyarah, jurnal setiap pensyarah, sitasi (petikan akademik) dalam jurnal, pengantarabangsaan dan pertukaran pelajar.

DENGAN KERJASAMA
BH JOM! BELAJAR MANDARIN



Program pembelajaran Bahasa Mandarin ini diiktiraf oleh Lembaga Peperiksaan China. Program ini akan disiaran sehingga 31 Disember 2015.

我喜欢红花

Wǒ xǐhuān hóng huā

SAYA SUKA BUNGA MERAH



Untuk maklumat berkenaan kursus, sila hubungi:

Tel: 603-41442788

Faks: 603-41443098

Laman Web: www.hccm.com.my/ms

E-mel: info@hccm.com.my

SIRI 162

Panduan menggunakan aplikasi AR untuk tonton video



1 Muat turun aplikasi di App Store dan Google Play dengan kata kunci carian **ZOOM BH**



2 Imbas keseluruhan kotak merah



3 Video dimainkan

1300 22 6787
www.bharian.com.my

The New Straits Times Press (M) Bhd Inc

Isi didasarkan di

BH Berita Harian

BH Berita Harian

BH Berita Harian

BH Berita Harian